

Kerahmatan Islam Dalam Mendepani Golongan LGBT

Siti Mardiyah Kamal Azhar

Yarmouk University
Kaktus_Sahara@Yahoo.Com

Maisarah Saidin

University Of Jordan
Sara_Izara@Yahoo.Com

Muhammad Najmi Md Aziman

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Najmiaziman@Gmail.Com

ABSTRAK

Fenomena 'kaum Luth moden' atau LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual, dan Transgender) dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin berkembang secara meluas. Penyebaran ideologi atas dasar memperjuangkan hak kebebasan individu yang dibawa oleh golongan tersebut jelas bertentangan dengan nilai ajaran Islam dan Perlembagaan Malaysia. Dalam usaha mengajak golongan ini kembali kepada fitrah, metode dakwah yang tersusun dan terancang diperlukan agar keberkesanan dakwah dapat dicapai. Oleh yang demikian, penulisan kertas kerja ini akan mengenalpasti pendekatan dakwah para nabi terhadap kaum mereka berdasarkan perspektif al-Qur'an dan sunnah disamping menjelaskan pendekatan dakwah yang telah dijalankan di Malaysia dalam mendepani golongan LGBT. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti keberkesanan metode dakwah yang dijalankan terhadap perubahan sahsiah golongan tersebut. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian yang berbentuk kualitatif ini akan menjalankan kaedah pengumpulan data yang dilaksanakan melalui kajian kepustakaan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan pendekatan dakwah kepada golongan LGBT. Seterusnya data-data tersebut akan dianalisis melalui kaedah induktif dan deduktif dengan bersandarkan al-Qur'an dan Sunnah serta sumber data kepustakaan baik data primer mahupun sekunder. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah dakwah berkonsepkan rahmatan lil alamin disamping pendekatan secara berhikmah dan berterusan memberi impak yang baik terhadap pembangunan sahsiah golongan ini untuk kembali kepada fitrah asal.

Kata kunci: Kerahmatan Islam, Golongan LGBT, Pendekatan dakwah.

1. PENGENALAN TENTANG LGBT

Budaya songsang LGBT semakin menular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Majoriti masyarakat Malaysia menolak tuntutan golongan ini kerana gaya hidup songsang yang diamalkan mereka bertentangan dengan norma masyarakat dan Perlembagaan Malaysia. Tambahan lagi, gaya hidup mereka juga jelas bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai murni. Oleh yang demikian, Islam secara tegas menolak gaya hidup LGBT, tetapi ini tidak bermakna golongan

tersebut perlu dibiarkan supaya terus hanyut dengan amalan songsang mereka. Justeru itu, isu LGBT ini perlu ditangani secara berhikmah agar kumpulan ini tidak terpinggir dan tidak jauh dari Islam. Bimbingan, sokongan dan pemulihan khususnya dari segi kerohanian terhadap golongan ini perlu dijalankan agar mereka kembali patuh kepada ajaran Islam sebenar. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk menarik golongan itu kembali ke pangkal jalan, pendekatan dakwah yang terancang diperlukan agar dakwah yang dijalankan berkesan merubah sahsiah golongan ini.

Perkembangan LGBT di Malaysia.

JAKIM merekodkan seramai 310,000 individu yang terlibat dengan gejala songsang gay pada tahun 2018, berbanding lima tahun lalu seramai 173,000 individu yang terlibat dengan gejala ini. Jumlah peningkatan yang mencecah hampir 100 peratus ini amat membimbangkan kita pada hari ini. Manakala, golongan transgender pula merekodkan peningkatan kepada 30,000 individu pada tahun 2018 berbanding seramai 10,000 individu pada tahun 1988³⁴⁹.

Secara ringkasnya, LGBT adalah singkatan bagi *lesbian, gay, biseksual* dan *transeksual*. Sesetengah pihak menambah akronim ini kepada LGBTIQ, di mana I untuk *intersex* dan Q untuk *queer*. Lesbian merujuk kepada wanita yang mempunyai daya tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya atau disebut juga perempuan homoseksual. Gay ditakrifkan sebagai lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya dan dikenali juga dengan istilah lelaki homoseksual. Biseksual pula ialah seseorang yang cenderung untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita. Transeksual atau *Mukhannath* ialah seseorang lelaki atau perempuan yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan³⁵⁰. Intersexual ialah golongan khunsa. Manakala, queer ini adalah golongan yang memayungi semua kategori di bawah orientasi seksual³⁵¹.

Gejala perlakuan songsang ini bertentangan dengan sistem kehidupan normal seseorang manusia dan telah menjadi suatu perkara yang biasa di luar negara. Sebagai contoh, bulan Mei yang lalu, Parlimen Taiwan telah meluluskan perkahwinan sesama jenis di negara itu³⁵². Di peringkat antarabangsa, perlakuan songsang ini telah diperjuangkan menerusi United Nation Human Right Convention (UNHRC) dan disokong oleh negara - negara besar dunia. Buktinya, pada 17 Jun 2011, golongan LGBT telah diiktiraf di peringkat PBB apabila Majlis Hak Asasi Manusia PBB telah meluluskan resolusi pertama berkaitan hak asasi golongan LGBT.

Pada asalnya, hubungan sesama jenis tidak diterima langsung oleh masyarakat, tetapi desakan atas nama memperjuangkan tuntutan hak asasi manusia, Barat melalui Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) telah menerima serta mengiktiraf golongan ini. Artikel 1 Perisytiharaan Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR 1948) telah ditafsir begitu longgar oleh Barat di mana ia meliputi segenap hubungan manusia. Desakan yang berpaksikan kebebasan manusia meliputi hak asasi manusia, orientasi seks dan identiti gender (SOGI) yang didasarkan oleh satu deklarasi tajaan Perancis-Belanda telah dikemukakan oleh Argentina pada perhimpunan PBB, 19

³⁴⁹ Siti Hajar Jamal, *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*, m/s 994.

³⁵⁰ *Ibid.*

³⁵¹ Malaysiakini bertarikh 10 Mac 2019. <https://www.malaysiakini.com/news/467358>

³⁵² Berita Harian, bertarikh 14 Mei 2019. Berita Harian, bertarikh 18 Jun 2019.

Disember 2008. Walaubagaimanapun, tuntutan (SOGI) ini telah ditolak oleh Malaysia bersama Negara Islam lain di Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva pada 14 Februari 2012. Selain itu, tuntutan membabitkan hak LGBT ini juga turut dibantah oleh Negara-negara Islam di bawah Pertubuhan Negara- Negara Islam (OIC)³⁵³.

Di Malaysia, pergerakan golongan ini mula dikesan dengan kewujudan golongan pondan dan mak nyah sekitar tahun 1980-an³⁵⁴. Pada tahun 1990-an, golongan ini terus bergerak dengan meluas bertujuan untuk mendapatkan hak manusia sejagat yang selari dengan kehendak mereka. Pada bulan Ogos 2008, golongan ini semakin berani dengan mengadakan festival bagi mengembangkan lagi pengaruh mereka disamping menuntut hak yang dianggap mereka sebagai hak manusia sejagat dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Bersempena dengan bulan kemerdekaan, golongan ini menganjurkan satu festival yang diberi nama "Seksualiti Merdeka".

Festival ini diadakan berturut - turut bermula tahun 2008 sehinggalah 2011, walaupun mendapat tentangan yang hebat dari pelbagai pihak³⁵⁵. Sebanyak 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu - individu cuba mempromosikan program Seksualiti Merdeka 2011 dengan tujuan untuk mempertahankan hak golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) agar diterima dalam kalangan masyarakat negara ini yang dianggap hak manusia sejagat³⁵⁶.

Golongan ini tidak berhenti di situ, walaupun telah mendapat tentangan yang hebat dan sekatan dari pihak berkuasa dari menganjurkan sebarang aktiviti yang berkaitan LGBT, pada tahun 2013 dan 2014 satu festival lain telah dianjurkan secara besar - besaran yang diberi nama Pink Dot Penang dengan tujuan menyeru persamaan hak bagi golongan LGBT agar perlakuan hubungan sejenis tidak dipandang satu perlakuan yang negatif³⁵⁷.

Seterusnya, pada tahun 2018, George Town Festival telah dianjurkan pada bulan Ogos hingga September 2018 bertujuan untuk meraikan kebudayaan dan warisan George Town, Pulau Pinang sempena kemerdekaan ke-61. Malangnya, festival ini telah dicemari dengan kontroversi membabitkan golongan LGBT ini, di mana mereka telah mengambil kesempatan untuk mempromosi agenda budaya LGBT serta tokoh - tokoh LGBT sekali gus mempromosi kegiatan yang mereka lakukan melalui poster - poster yang dipamerkan dalam festival tersebut³⁵⁸.

Selain itu, pada Mac lalu, golongan ini sekali lagi cuba mempromosikan agenda budaya songsang mereka melalui penganjuran Perarakan Hari Wanita Sedunia bertemakan 'Hentikan Keganasan Hormati Perempuan'. Pada awalnya perarakan ini hanyalah satu perarakan biasa bagi

³⁵³ Noor Hafizah, Kamal Azmi dan Rosni Wazir, *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT*, Jurnal Pengajian Islam, Bil 9, Isu 11, 2016, m/s 108. Kamal Azmi Abd. Rahman, Mastura Md Nizam, dan Ain Balkis Mohd Azam, *Profil Masyarakat Melayu Malaysia Di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT*, m/s 4. Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Noor Hafizah Bt. Mohd Haridi, *Cabaran Dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian Di Pertubuhan Usrah Fitrah*, International Seminar On Human Development (Is-Hud'18), 22 November 2018, Academy of Islamic Studies University of Malaya, m/s 5. Siti Hajar Jamal, *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*, m/s 996 - 997. Noor Hafizah bt Mohd Haridi dan Norsaleha bt Mohd Salleh, *Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan Dan Keharmonian Beragama Di Malaysia*, m/s 214 - 215.

³⁵⁴ Berita Harian, bertarikh 9 Mac 2019.

¹⁵ Noor Hafizah Mohd Haridi, Kamal Azmi dan Rosni Wazir, *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT*, m/s 109. Nor Raudah Hj. Siren. 2006. *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

³⁵⁶ Kamal Azmi Abd. Rahman, Mastura Md Nizam dan Ain Balkis Mohd Azam, *Profil Masyarakat Melayu Malaysia Di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT*, m/s 11.

³⁵⁷ <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>

³⁵⁸ <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>

memperjuangkan hak – hak wanita di Malaysia. Namun, perarakan ini telah dicemari dengan beberapa individu yang membawa bendera LGBT, sepanduk dan turut kedengaran laungan ‘Hidup LGBT’³⁵⁹. Program-program yang dijalankan ini adalah antara usaha golongan ini bagi mempertahankan dan memperjuangkan hak golongan LGBT di Malaysia atas dasar “hak manusia sejagat” dan kebebasan seksualiti kepada semua golongan.

Tuntutan LGBT

Isu utama yang dibawa oleh gerakan kebebasan kemanusiaan ini menuntut agar golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) diiktiraf di negara Malaysia. Namun begitu, tuntutan tersebut telah ditolak secara tegas oleh pimpinan negara, ini kerana permintaan golongan ini jelas melanggar undang–undang syariah mahupun sivil³⁶⁰ yang diamalkan di Malaysia dimana undang-undang ini menolak amalan dan perlakuan seks songsang yang menjadi gaya hidup mereka.

Pada dasarnya, kelompok LGBT di seluruh dunia menuntut 8 perkara utama, iaitu;

- i. aktiviti seks sesama jantina (tidak mengambil kira soal haram atau halal).
- ii. pengiktirafan terhadap hubungan sesama sejenis atau berlainan jenis.
- iii. perkahwinan sesama jantina.
- iv. pengambilan anak angkat.
- v. membenarkan gay untuk berkhidmat dalam tentera.
- vi. membenarkan lesbian untuk berkhidmat dalam tentera.
- vii. anti diskriminasi berdasarkan orientasi seksual.
- viii. memperjuangkan undang-undang untuk identiti gender dan ekspresi gender³⁶¹.

Manakala di Malaysia, golongan ini mula menjalankan gerakan untuk membuat tuntutan agar diskriminasi jantina dihapuskan serta menuntut hak kesaksamaan gender³⁶².

Ancaman dan Bahaya dari Pengaruh Golongan LGBT.

Kemajuan yang dikecapi oleh kita pada hari ini, adakalanya memberi faedah kepada kita seperti memudahkan urusan kerja seharian, dapat mengeratkan silaturrahim dengan kenalan yang sudah lama tidak bersua muka dan pelbagai lagi. Namun, dalam kita menikmati segala kemajuan ini, tidak dapat dinafikan wujudnya kesan buruk antaranya penyebaran maklumat tidak benar dan promosi percuma dari golongan LGBT di semua medium media sosial.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Kamal Azmi et al (2015) mendapati *Facebook, Youtube dan Twitter* menjadi pilihan kumpulan LGBT untuk mempromosikan agenda mereka dan juga membina jaringan. Selain itu, berdasarkan pemerhatian umum dari kajian tersebut, dengan menggunakan laman sesawang www.ranker.com dengan kata kunci ‘*Top LGBT Social Networks*’ terdapat 64 buah laman sosial yang aktif digunakan di Malaysia. Golongan LGBT ini dilihat memberi ancaman kepada moral dan budaya masyarakat Melayu khususnya belia Melayu yang

³⁵⁹ <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>


³⁶⁰ <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>

³⁶¹ <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>

³⁶² <https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>

kebanyakannya beragama Islam. Berdasarkan kajian Kamal Azmi et al (2015), penglibatan masyarakat Melayu dalam laman sosial ini mencatatkan peratusan kedua tertinggi iaitu 19% selepas masyarakat Cina iaitu sebanyak 70%³⁶³. Kajian ini juga mendapati bahawa 90.5% profil Melayu yang mendaftar di laman - laman sosial LGBT adalah terdiri daripada belia iaitu mereka yang berumur 20 - 39 tahun³⁶⁴.

Selain itu, budaya songsang LGBT ini juga mengundang bahaya kepada masyarakat Malaysia di mana penyebaran jangkitan virus HIV berlaku melalui aktiviti seks songsang yang dilakukan mereka. Berdasarkan laporan statistik yang dikeluarkan oleh Sektor HIV/STI, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2016. Jangkitan HIV berdasarkan umur bagi tahun 2016, sebanyak 40% adalah mereka yang berumur di antara 20 – 29 tahun. Manakala, 31% adalah mereka yang berumur di antara 30 – 39 tahun. Adapun mereka yang berumur di antara 40 – 49 tahun sebanyak 16%³⁶⁵.



Rajah 1: Jangkitan HIV berdasarkan umur bagi tahun 2016.


Jangkitan HIV berdasarkan bangsa bagi tahun 2016 mencatatkan bangsa melayu yang terlibat dengan jangkitan ini adalah sebanyak 69% kemudian diikuti dengan bangsa cina sebanyak 15% dan kemudian bangsa india sebanyak 8%³⁶⁶.

³⁶³ Kemungkinan yang dimaksudkan adalah lelaki mendatangi lelaki, atau disebut sebagai homoseksual.

³⁶⁴ al-Khalidi, Solah Abdul Fattah, *al-Qasas al-Qurani 'Ardhu Waqai' wa Tahlil Ahdath*, Dam/syik: Darul Qalam, cet. 1, 1419H/ 1998, jilid 4, m/s 477.


³⁶⁵ Zaydan, Abdul Karim, *al-Mustafad min Qasas al-Quran li ad-da'wah wa ad-Du'aat*, 1419H/ 1998, Beirut-Lubnan, Muassasah ar-Risalah, cet. 1, m/s 230.

³⁶⁶ Ibn kathir, Abu Fada' Ismail Bin Umar, *Tafsir al-Quran al-Azhim*, Beirut, Darul kutub ilmiah, cet. 1, 1419H, jilid 4, m/s 290.



Rajah 2: Jangkitan HIV berdasarkan bangsa bagi tahun 2016.

Merujuk laporan yang sama dari Sektor HIV/STI, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2016. Jangkitan HIV berdasarkan faktor risiko yang bahaya bagi tahun 2016, mencatat kadar peratusan tertinggi sebanyak 46% adalah berpunca dari kalangan mereka yang bersifat homoseksual atau biseksual. Manakala mereka yang bersifat heteroseksual sebanyak 39% pada tahun 2016³⁶⁷.




Rajah 3: Jangkitan HIV berdasarkan faktor risiko yang bahaya bagi tahun 2016.

Secara kasarnya dapat kita konklusikan bahawa penyebaran penyakit HIV ini bukanlah disebabkan ketagihan dadah melalui perkongsian jarum suntikan seperti mana yang berlaku pada suatu ketika dahulu disekitar awal tahun 2000-an. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tahun 2005 mencatatkan sebanyak 66% kes

³⁶⁷ Menurut Alalbani, hadis ini dinilai Hasan. Rujuk al-Tirmizi, Sunan, Mesir: Mustafa al-Baji al-Halabi, 1975, j. 4, m/s 58, no. hadis 1457.

jangkitan HIV yang melibatkan jarum suntikan dadah. Namun, dapat dilihat peratusan ini semakin menurun dengan mencatatkan sebanyak 11% pada tahun 2016³⁶⁸.

Berbeza dengan penyebaran jangkitan HIV melalui hubungan seks, samada hubungan seks berlainan jantina mahupun sesama jantina. Pada tahun 2005 mencatatkan sebanyak 26% kes jangkitan HIV yang melibatkan hubungan seks. Namun, jika dilihat 10 tahun kemudian, peratusan ini semakin meningkat. Dicapatkan sebanyak 84% kes jangkitan HIV yang melibatkan hubungan seks³⁶⁹. Melalui peratusan ini dapat dipecahkan kepada dua jenis hubungan seks, iaitu hubungan seks berlainan jantina (heteroseksual) dan hubungan seks sesama jantina (homoseksual) atau hubungan seks dengan kedua-dua jantina (biseksual). Hubungan seks berlainan jantina mencatatkan sebanyak 46% iaitu sebanyak 1,311 individu yang dijangkiti HIV melalui hubungan seks. Manakala, hubungan seks sesama jantina sama ada homoseksual mahupun biseksual mencatatkan sebanyak 54% iaitu sebanyak 1,553 individu yang dijangkiti HIV melalui hubungan seks secara homoseksual dan biseksual³⁷⁰.



Rajah 4: Penyebaran jangkitan HIV melalui perkongsian jarum suntikan dadah dan hubungan seks bagi tahun 2016.

Justeru itu, berdasarkan statistik yang dipaparkan, jelaslah bahawa gejala songsang LGBT ini memberi ancaman dan bahaya kepada masyarakat bukan sahaja dari segi moral malahan kepada kesihatan seseorang. Oleh yang demikian, perlakuan ini wajar dibendung di Malaysia agar ia tidak menjadi suatu situasi yang dianggap normal dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan belia Melayu yang beragama Islam.

2. PENDEKATAN DAKWAH PARA NABI MENGIKUT PERSPEKTIF AL-QURAN

³⁶⁸ Ahmad Sanusi dan Mohd Yusuf, *Konsep Kerahmatan Lil Alamin dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi di Malaysia*, Journal of Hadith Studies, Jilid 3, No. 1 (2-SI) (Nov 2018) m/s 10.

³⁶⁹ Menurut Syeikh al-Arna'ut, hadis ini dinilai sebagai Hadis Hasan. Rujuk Ahmad ibn Hanbal, *Musnad*, Muassasah al-Risalah, 2001, Cet. 1, j. 5, m/s 83, no. hadis 2913 dan 2915.

³⁷⁰ Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kafi li man sa'ala 'An al-Dawa' al-Syafi' aw al-Da' wa al-Dawa'*, Maghribi: Dar al-Ma'rifah, 1997, j 1, m/s 170.

a) Pendekatan Dakwah Nabi Luth a.s

Kisah Nabi Luth alaihissalam dan kaumnya secara ringkas sebagaimana yang digambarkan di dalam al-Quran.

Saidina Luth alaihissalam merupakan seorang nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah kepada kaumnya yang ingkar dan terus berdegil melakukan kemungkaran (*al-fahisyah*³⁷¹).

Nama baginda telah disebut sebanyak 27 kali di dalam al-Quran, dan kisah baginda bersama kaumnya telah dirakamkan dalam 14 buah surah; 8 darinya diturunkan dengan penceritaan yang terperinci tentang kisah dakwahnya terhadap kaum yang ingkar serta melampaui batas, seta beberapa surah yang mengkisahkan perihal kaum Luth secara sepintas lalu seperti surah an-Najm dan Qaff, berikut merupakan 8 surah tersebut mengikut tertib susunan mushaf.

1) Surah al-A'raf

Kisah Saidina Luth terkandung dalam 4 ayat (80-84) yang menceritakan tentang teguran baginda kepada kaumnya yang melakukan perbuatan homoseksual, serta mengingkari sikap mereka yang berkelakuan sumbang sesama jantina secara melampaui batas. Namun, kaum yang ingkar ini bukan sahaja tidak menerima dakwah baginda bahkan ingin mengusir Nabi Luth bersama pengikutnya keluar dari negeri mereka.

Akhirnya, pertolongan Allah tiba; dengan menyelamatkan baginda nabi serta pengikut yang beriman, dan menurunkan azab yang pedih (hujan batu) terhadap kaum yang tidak beriman.

2) Surah Hud

Surah ini bermula dengan kisah saidina Ibrahim alaihissalam ketika didatangi oleh dua malaikat yang membawa khabar gembira buat baginda suami isteri, kemudian perkhabaran tentang kedatangan utusan-utusan tersebut mahu menuju ke perkampungan kaum Luth, seterusnya pada ayat (77-83) menceritakan bagaimana keadaan Nabi Allah Luth alaihissalam yang digambarkan merasa sempit dada dengan kedatangan malaikat kerana mengetahui keadaan kaumnya yang bersikap diluar tabi'i.

Sehinggalah Saidina Luth menawarkan puteri-puterinya untuk dinikahi oleh para lelaki dari kaumnya, namun mereka menolak perlawaan tersebut dengan alasan tidak berkeinginan terhadap yang berlainan jantina. Hinggalah baginda bertegas dengan kaumnya demi melindungi para tetamunya (malaikat-malaikat), kemudian para utusan Tuhan itu meminta agar Nabi Luth, pengikut-pengikut serta keluarganya yang beriman (kecuali isterinya) keluar bagi menyelamatkan diri dan baki yang ingkar akan diazab dengan azab yang pedih.

3) Surah al-Hijr

Mengandungi 19 ayat (59-77) yang mengisahkan perbualan malaikat bersama saidina Luth alaihissalam; dengan mengatakan bahawa mereka adalah utusan yang akan dikirim Allah bagi membinasakan kaum tersebut termasuk isteri baginda yang secara jelas dinyatakan bahawa dia kafir dan ingkar. Para utusan (malaikat) meminta agar Nabi dan pengikutnya yang beriman segera keluar meninggalkan negeri tersebut.

³⁷¹ Menurut Alalbani, hadis ini dinilai sahih. Rujuk al-Tirmizi, Sunan, Mesir: Mustafa al-Baji al-Halabi, 1975, j. 4, m/s 57, no. hadis 1456.

Sementelah, para pengikutnya sedang bergembira dengan kedatangan “tetamu-tetamu” tersebut dan mereka ingin melakukan perbuatan terkutuk meski telah dihalang oleh saidina Luth dengan dengan tegas hatta baginda menawarkan puteri-puterinya namun ditolak dengan keras.

Surah al-Hijr juga menceritakan tentang azab yang ditimpakan ke atas kaum Luth, dengan diterbalikkan muka bumi dan mereka dihujani oleh batu serta suara yang memekik dengan keras menjelang pagi.

4) Surah as-Syu'ara'

Pendustaan kaum Luth tidak hanya berlaku ke atas baginda sahaja, bahkan pendustaan mereka meliputi keseluruhan Rasul. Hal ini dijelaskan menerusi 16 ayat (160-175) yang terdapat di dalam surah ini; ketika baginda alaihissalam berdakwah kepada kaumnya agar mereka kembali bertaqwa kepada Allah s.w.t serta menyeru mereka untuk meninggalkan perbuatan yang bertentangan dengan fitrah kejadian manusia (homoseks).

Walaupun bagaimanapun, mereka terus ingkar dan mengugut baginda nabi untuk mengusirnya keluar dari negeri itu, sehinggalah Saidina Luth bermunajat dan berdoa kepada Tuhannya agar datang pertolongan dari sisi-Nya untuk menyelamatkan baginda serta ahlinya yang beriman dari perbuatan kaaumnya yang keji. Maka, Allah mengabulkan doa seorang nabi dengan mendatangkan azab berupa hujan batu yang sangat dahsyat dan membinasakan mereka termasuk isterinya yang kafir.

5) Surah al-Naml

Surah ini menceritakan perihal dakwah Luth alaihissalam terhadap kaumnya menerusi 5 ayat (54-58), dengan menyatakan keengganannya untuk menerima perbuatan sumbang (homoseks) yang dilakukan serta menegaskan bahawa amalan perbuatan mereka adalah sangat keji.

Namun mereka tetap bertegas ingin mengusir Luth serta ahli keluarganya yang beriman, sehinggalah datang pertolongan Allah menyelamatkan Rasul-Nya dan para pengikutnya serta membinasakan kaum kafir dengan seksaan azab berupa hujan batu yang pedih.

6) Surah al-'Ankabut

Ketegasan dan kesungguhan seorang Nabi jelas terpamer melalui dakwah baginda yang tidak henti menyatakan bahawa perbuatan kaumnya adalah sangat keji bahkan tidak pernah dilakukan oleh umat terdahulu sebelum mereka walaupun mereka meremehkan ajakan baginda dengan meminta agar disegerakan azab sekiranya Luth alaihissalam adalah seorang yang benar.

Sehinggalah akhirnya baginda berdoa meminta pertolongan Allah dan datanglah para malaikat ke negeri tersebut lalu membinasakan mereka dengan mendatangkan azab dari langit dek perbuatan mereka yang fasiq. Kisah ini dirakamkan melalui 8 ayat (28-35).

7) Surah as-Saffat

Surah ini mengandungi 6 ayat (133-138) berkisar tentang pertolongan Tuhan terhadap seorang nabi dengan menyelamatkan baginda serta ahlinya yang beriman dari azab yang dahsyat kecuali isterinya yang fasiq serta kaumnya yang enggan menerima dakwah baginda alaihissalam.

8) Surah al-Qamar

Setiap kali diberikan peringatan, maka mereka tetap berkeras dan mendustakannya sehinggalah Allah s.w.t menimpakan ke atas golongan tersebut azab balasan atas tiap perbuatan mereka. Hal ini dirakamkan menerusi 6 ayat (133-138) yang menggambarkan kemurkaan Tuhan dengan mengirinkan kepada kaum Luth angin ribut (yang membawa batu-batu).

Saidina Luth alaihissalam telah diutuskan untuk memberi peringatan buat kaumnya, tetapi keengganan mereka untuk menerima dakwah tersebut serta berkeras untuk terus melakukan *al-fahisyah*, bahkan mereka meminta agar Nabi Luth menyerahkan tetamunya (malaikat-malaikat) itu kepada mereka.

9) Surah-surah Lain

Terdapat 6 buah surah yang mengandungi penceritaan Luth alaihissalam bersama kaumnya secara ringkas: at-Taubah, al-Furqan, al-Anbiya', adz-Dzariyat, an-Najm, dan at-Tahrim³⁷².

Halatuju Dakwah Saidina Luth Alaihissalam Kepada Kaumnya

Diutuskan seorang nabi dan rasul adalah untuk menyeru kaumnya ke arah *amar ma'ruf nahi munkar*. Dalam konteks ini seruan Saidina Luth terhadap kaumnya terdiri daripada 2 seruan³⁷³:

1) Seruan agar bertaqwa kepada Allah dan mentaati Rasullullah

Saidina Luth alaihissalam menyeru penduduk negerinya agar kembali bertaqwa kepada Allah, serta mentaati ajaran yang dibawa oleh baginda, sebagaimana yang telah disebut di dalam surah *as-Syu'ara'* :ayat 161-163.

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطٌ أَلَا تَتَّقُونَ ۝ ١٦١ إِيَّايَ لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ۝ ١٦٢ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا ۝ ١٦٣

Maksud: Ketika saudara mereka - Nabi Lut, berkata kepada mereka: Hendaknya kamu mematuhi perintah Allah dan menjauhi laranganNya. Sesungguhnya aku ini Rasul yang amanah, (yang diutus oleh Allah) kepada kamu. Oleh itu, takutilah kamu akan (kemurkaan) Allah, dan taatlah kepadaku.

2) Seruan agar kaumnya meninggalkan perbuatan *al-fahisyah* tersebut

Selain menyeru agar kaumnya kembali bertaqwa kepada Allah dan mentaati seruan yang dibawanya, Saidina Luth meneruskan misi dakwah baginda dengan menyeru kaumnya agar menjauhi dan meninggalkan perbuatan homoseksual yang bertentangan dengan fitrah kejadian manusia.

Seruan ini jelas digambarkan di dalam al-Quran menerusi beberapa surah, antaranya:

- **Surah al-A'raf : ayat 80-81**

³⁷² Mohd Nasir et al., 2006, Kajian Program Bina Sahsiah Staf Di IPTS: Kajian Kes Di UTM & USM, Laporan Kajian no 71855, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, m/s 14.

³⁷³ Shahabuddin Hashim dan Rohaizani Yaakub, 2007, Teori Persenoliti Dari Perspektif Islam, Timur dan Barat. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, m/s 26.

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفُحْشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ۝ ٨٠ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً ۖ مِنْ دُونِ
النِّسَاءِ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ٨١

Maksudnya: Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas".

• **Surah asy-syu'ara': ayat 165-166**

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ۖ ١٦٥ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ١٦٦

Maksudnya: "Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia, "Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (Kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas.

• **Surah an-Naml: ayat 54-55**

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفُحْشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ۖ ٥٤ أَأَيْنَكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً ۖ مِنْ دُونِ النِّسَاءِ ۗ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ ۖ بَٰهِلُونَ
٥٥

Maksudnya: Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan); (ingatlah peristiwanya) ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedang kamu nampak kejinya? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki, bukan perempuan, kerana memuaskan nafsu syahwat kamu. (Perbuatan kamu itu amatlah keji) bahkan kamu kaum yang jahil (yang tidak mengetahui akan akibatnya)".

• **Surah al-Ankabut: ayat 28-29**

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الْفُحْشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ ۖ ٢٨ أَأَيْنَكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ وَتَقْطَعُونَ السَّبِيلَ
وَتَأْتُونَ فِي نَادِيكُمُ الْمُنْكَرَ ۖ فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ ۖ إِلَّا أَنْ قَالُوا أَتَيْنَا بِعَذَابِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ مِنَ الصَّٰدِقِينَ ٢٩

Maksudnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Lut tatkala ia berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorangpun dari penduduk alam ini sebelum kamu. "Patutkah kamu mendatangi orang lelaki (untuk memuaskan nafsu syahwat kamu)? Dan kamu memotong jalan lalu-lalang (untuk tujuan jahat kamu)? Dan kamu pula melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu?"

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jelaslah bahawa Saidina Luth alaihissalam menyeru dan menggesa kaumnya untuk meninggalkan segala amalan dan perbuatan keji tersebut, dan meminta agar kaumnya kembali bertaqwa kepada Allah s.w.t serta mengikut segala apa yang diperintahkan kepada mereka.

Metodologi Dakwah Saidina Luth Alaihissalam

Ketika menyampaikan tugas dakwah seperti yang diwahyukan oleh Allah kepada kaumnya, beberapa cara telah ditonjolkan oleh baginda Nabi alaihissalam, walaupun tiada nas dan dalil dari al-Quran secara jelas menerangkan corak dakwah baginda sebagaimana yang disebut secara *soreh* dalam kisah Saidina Nuh alaihissalam, namun setiap ayat yang datang menggambarkan keadaan dakwah itu sendiri. Antara pendekatan dakwah baginda dalam mendepani kedegilan kaumnya adalah:

1) Pendekatan dakwah dengan cara lembut/ memujuk

Seorang Nabi dan Rasul tidak akan mendiamkan diri sekiranya berhadapan dengan sebarang bentuk kemungkaran yang akan membawa kebinasaan terhadap kaumnya, begitu juga halnya dengan Saidina Luth alaihissalam, ketika menjalankan tugasnya sebagai utusan Allah, baginda menggunakan pendekatan memujuk mereka agar kembali bertaqwa kepada Allah s.w.t, sebagaimana yang digambarkan menerusi surah asy-Syu'ara' :ayat 161-163.

Selain itu, cara dakwah ini jelas kelihatan ketika kemuncak perbuatan kaumnya yang ingin memuaskan nafsu terhadap para tetamu Luth alaihissalam (malaikat-malaikat); yang datang menyerupai bentuk lelaki-lelaki, maka baginda memujuk mereka sekali lagi dengan menawarkan puteri-puterinya untuk dinikahi oleh kaum yang melampaui batas itu. Seperti Firman Allah s.w.t di dalam surah Hud: ayat 78.

قَالَ يَوْمَ هَؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَحْزُونِ فِي ضَيْفِي أَلَيْسَ مِنْكُمْ رَجُلٌ ۖ رَشِيدٌ ۗ ٧٨

Maksudnya: Nabi Lut berkata: "Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memberi malu kepadaku dihadapan tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?"

Menurut Ibn Kathir: Nabi umpama seorang bapa yang menunjukkan jalan yang memberi manfaat kepada pengikutnya dunia dan akhirat³⁷⁴, justeru baginda memujuk kaumnya agar kembali kepada fitrah manusia dengan mengahwini wanita bukan dengan cara mendatangi lelaki melalui belakangnya.

2) Pendekatan dakwah dengan cara keras/ ancaman

Ketegasan dan kekerasan juga kadangkala diperlukan dalam berdakwah menyampaikan kebenaran. Setelah dipujuk dengan cara yang baik untuk kembali taat dan takut kepada Allah hinggalah dipujuk dengan menawarkan kepada golongan lelaki dari kaumnya untuk menikahi puteri-puterinya secara halal, namun ditolak oleh kaum Luth dengan angkuh, maka baginda menggunakan corak keras dan tegas dengan menempelak setiap perbuatan kaumnya yang di luar batas kewarasan manusia.

Sebagaimana dalam firman Tuhan melalui lisan Luth alaihissalam di dalam surah Hud: ayat 80:

³⁷⁴ Siti Sarawati Hj Johar dan Ishak mad Shah, Kecerdasan Emosi Ketua Dalam Elemen Tadbir Urus Insan Dari Perspektif Model Kerohanian Imam al-Ghazali, Kertas Kerja, Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, t.ms.

قَالَ لَوْ أَنَّ لِي بِكُمْ قُوَّةً أَوْ آوِيٍّ إِلَىٰ زُكْنٍ شَدِيدٍ ۝ ٨٠

Maksudnya: Nabi Lut berkata: "Kalaulah aku ada kekuatan untuk menentang kamu, atau aku dapat bertumpu ke sesuatu tempat bertahan yang kuat (dari penyokong-penyokong, tentulah aku akan membinasakan kamu)".

Begitu juga dengan ayat Surah asy-syu'ara': ayat 166, kedegilan mereka sehingga digelar dengan keras sebagai kaum yang melampaui batas.

وَتَدَّوْنُ مَا خَلَقَ لَكُمْ رُبُّكُمْ مِّنْ أَرْوَاحِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ۝ ١٦٦

Kaum Luth ini turut digelar dengan kaum yang jahil sebagaimana yang turun di dalam surah an-Naml: ayat 55.

أَنْتُمْ كَمَا تَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً ۝ مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ بِجَهْلُونَ ۝ ٥٥

Maksudnya: Mengapakahmu mendatangi lelaki untuk (memenuhi) syahwat (mu) bukan (mendatangi) perempuan? Sesungguhnya kamu adalah kaum yang tidak mengetahui (akibat perbuatanmu).

b) Pendekatan Dakwah Nabi Muhammad s.a.w.

Kebimbangan Rasulullah s.a.w dengan kewujudan golongan homoseksual dalam kalangan umatnya jelas dinyatakan dalam sabda baginda:

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَىٰ أُمَّتِي عَمَلُ قَوْمِ لُوطٍ"

Maksudnya: Sesungguhnya antara perkara yang paling aku takuti (bimbangi) dikalangan umat aku adalah perlakuan amalan kaum Nabi Lut³⁷⁵.

Dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya, Rasulullah s.a.w menggunakan pendekatan yang agak tegas dan keras ketika menyatakan pendirian Baginda terhadap golongan LGBT³⁷⁶. Antaranya Rasulullah menegaskan bahawa perlakuan homoseksual seperti yang dilakukan oleh kaum Nabi Lut adalah sesuatu yang terlaknat. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

...لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ" قَالَهَا ثَلَاثًا.

Maksudnya: Allah melaknat mereka yang melakukan perbuatan kaum Lut. Rasulullah mengulangi lafaz ini sebanyak tiga kali³⁷⁷.

³⁷⁵ Khairul Hamimah Mohamad Jodi & Noor Hafizah Mohd Haridi, Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT Satu kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah, International Seminar On Human Development (Is-Hud'18), 22 November 2018, Academy of Islamic Studies University of Malaya.

³⁷⁶ Berita Harian, bertarikh 23 Julai 2015.

³⁷⁷ Berita Harian, bertarikh 24 Julai 2015.

Imam Ibn al-Qayyim menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w tidak pernah melaknat pelaku dosa besar sebanyak tiga kali berturut-turut seperti yang dilakukan kepada pelaku homoseksual ini³⁷⁸.

Selain itu juga, Rasulullah turut mengenakan hukuman yang keras terhadap mereka yang disabitkan kesalahan dengan melakukan amalan kaum Nabi Lut sebagaimana sabda baginda:

"مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلْ عَمَلًا قَوْمِ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا فَاعِلَهُ وَالْمُفْعُولَ بِهِ".

Maksudnya: Barangsiapa yang mendapati mereka yang mengamalkan amalan kaum Nabi Lut ini maka bunuhlah si pelaku dan yang diperlakukan³⁷⁹.

Berdasarkan hadis tersebut jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w sangat menentang perbuatan Homoseksual dengan menyatakan bahawa perbuatan yang menyerupai perbuatan kaum Nabi Lut adalah perbuatan yang terlaknat dan menegaskan bahawa pelakunya dan yang diperlakukan perlu dihukum bunuh. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa perbuatan tersebut jelas bertentangan dengan Islam dan nilai moral manusia. Justeru, pendekatan secara tegas dan keras perlu dijalankan sekiranya pendekatan lain tidak dapat mengubah golongan ini kembali kepada fitrah semulajadi yang diciptakan Allah SWT.

3. PENDEKATAN DAKWAH DI MALAYSIA

Antara usaha dan pendekatan yang dijalankan di Malaysia dalam menyampaikan dakwah kepada golongan LGBT bagi tujuan mengajak mereka kembali kepada fitrah asal kejadian mereka adalah seperti berikut.

Pertama: Pendekatan Pembangunan Sahsiah Berteraskan Ilmu dan Pengetahuan

Pembangunan sahsiah merujuk kepada pembinaan akhlak, peribadi dan tingkah laku bagi mencapai matlamat untuk menjadikan seseorang itu bertamadun, intelek, murni dan berdaya maju³⁸⁰. Mengikut perspektif Islam, pembangunan sahsiah bukan sahaja tertumpu kepada aspek jasmani sahaja, bahkan ia merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal individu³⁸¹. Menurut Imam Ghazali, pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, penghayatan al-Qur'an, adab kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan pembangunan jiwa serta hati³⁸².

Dalam usaha membangunkan sahsiah individu, bimbingan kerohanian berasaskan ilmu dan pengetahuan agama Islam perlu dijadikan tonggak utama. Ini kerana agama Islam yang diutuskan

³⁷⁸ JAKIM, *Kenyataan Media Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Berhubung Kenyataan Numan Afifi dan 41 NGO*, 21 April 2019.

³⁷⁹ Sinar Harian, bertarikh 2 Jun 2019. Facebook Ebit Lew, 2 Jun 2019.

³⁸⁰ Muhammad Haikal dan Muhammad Arif, *Pemahaman Konsep Rahmah dalam Isu Masyarakat Majmuk di Malaysia: Analisis Pendirian Gerakan Dakwah IKRAM dan ISMA*, m/s 253.

³⁸¹ Ahmad Sanusi dan Mohd Yusuf, *Konsep Kerahmatan Lil Alamin dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi di Malaysia*, m/s 4.

³⁸² Al-Tabrani, *al-Mu'jam al-Kabir*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, t.t, j. 2, m/s 123.

kepada Rasulullah s.a.w untuk disampaikan kepada umatnya merupakan rahmat bagi sekalian alam. Konsep Islam sebagai Rahmatan lil 'Alamin ini bersumberkan firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam (Surah al-Anbiya': ayat 107).

Antara pihak yang menggunakan pendekatan ini dalam dakwah mereka adalah seperti:-

1-Pertubuhan Usrah Fitrah yang merupakan sebuah badan NGO yang bergerak bebas menumpukan usaha dalam amal kebajikan dan mendapat bimbingan dari Majlis Agama Islam, Klang. Pertubuhan ini mengfokuskan kepada pembangunan masyarakat komuniti terpinggir termasuk golongan LGBT dengan memberi penekanan dalam aspek pemulihan dan pendidikan kepada mereka khususnya pengetahuan tentang ilmu agama. Pertubuhan ini juga menjalankan kerja-kerja dakwah secara santai dengan menumpukan kepada dakwah bil hal (perbuatan) dan bil lisan (komunikasi) dalam menyantuni golongan ini, di samping menjalankan aktiviti usrah dan program secara berkala sesuai dengan konsep yang mereka terapkan iaitu konsep kekeluargaan dan kembali kepada fitrah iaitu hakikat sebagai umat Islam yang patuh terhadap perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW serta meninggalkan segala laranganNya³⁸³.

2-Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI) membantu golongan LGBT yang ingin berhijrah melalui pendidikan kerohanian dan agama yang dijalankan oleh pihak mereka. Pelbagai program yang dijalankan seperti usrah, kerja amal, ceramah kelompok, luahan kumpulan dan program kesedaran keagamaan dalam usaha mendekati golongan ini seterusnya membimbing mereka dalam aspek keagamaan. Menjadikan Masjid Jamek Kuala Lumpur sebagai pusat operasi utama, PAFI merupakan platform permulaan untuk golongan LGBT berubah ke arah yang lebih baik berlandaskan Islam dengan dibantu JAKIM, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)³⁸⁴.

3-Pihak JAKIM melalui program Mukhayyam telah memperkenalkan modul bimbingan, sokongan dan pemulihan yang menumpukan usaha memulihkan golongan LGBT selain bertujuan mendedahkan mereka kepada program keagamaan dan rekreasi. Program rawatan dan pemulihan (I'raj Wa Syifa') yang berbentuk perkhemahan tiga hari dua malam itu diadakan sebanyak lapan kali setahun, dan membabitkan kerjasama antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Aktiviti pengisian rohani seperti kelas Fardu Ain, kelas bacaan al-Qur'an, program penghayatan Islam dan ceramah motivasi diri menjadi asas utama program tersebut³⁸⁵. Program yang dijalankan ini merupakan inisiatif untuk membantu golongan ini menjalani kehidupan yang selari dengan tuntutan syariat. Walaupun JAKIM berpendirian tidak bersetuju dengan perlakuan LGBT, namun jabatan ini tidak menafikan hak pelaku untuk dibimbing dan dinasihati dengan menggunakan pendekatan berhikmah dan rahmah. Pendirian ini selari dengan prinsip Maqasid Syariah yang mementingkan penjagaan keturunan, supaya keluarga yang dibina berasaskan

³⁸³ Ahmad Sanusi dan Mohd Yusuf, *Konsep Kerahmatan Lil Alamin dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi di Malaysia*, m/s 4.

³⁸⁴ Astro Awani, bertarikh 21 September 2018.

³⁸⁵ Sinar Harian, bertarikh 10 Mac 2019.

konsep asas keluarga iaitu di antara lelaki dan perempuan. Di samping itu, pendekatan JAKIM ini juga selari dengan pendekatan Rahmatan lil 'Alamin yang merupakan dasar kerajaan hari ini ³⁸⁶.

Kedua: Pendekatan Secara Berhikmah Dan Lemah Lembut

Manhaj lembut dan berhemah dalam menyampaikan intipati dakwah merupakan salah satu dari konsep *rahmah*. Ada ketika dakwah perlu dilakukan secara berhikmah dengan menggunakan uslub yang lembut dan lunak. Metode dakwah ini terakam dalam firman Allah dimana al-Qur'an menyebut bahawa antara faktor dakwah Nabi s.a.w diterima adalah kerana sikap rahmah, toleran dan penuh hikmah sebagaimana firmanNya:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ... ١٥٩

Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu (Surah Ali 'Imran: Ayat 159).

Berlembut pada tempat yang memerlukan kelembutan adalah bukti kebijaksanaan pendakwah. Pendekatan ini bukan sahaja mampu menarik golongan sasaran untuk mendengar dakwah yang disampaikan bahkan kaedah ini mampu menyuntik dan membuka hati mereka untuk menerima dakwah tersebut.

Pendekatan menggunakan uslub ini dizahirkan melalui firman Allah SWT kepada nabi Musa a.s dan nabi Harun a.s ketika mereka diperintahkan menyeru Fir'aun kepada agama Allah:

أَذْهَبًا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ٤٣ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ٤٤

Maksudnya: "Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata Yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut" (Surah Thoha: 43 - 44).

Menjadikan media sosial seperti *Instagram* sebagai medium untuk menyampaikan dakwah, pendakwah bebas Ustaz Ebit Lew dilihat menggunakan pendekatan lembut dan berhemah dalam usahanya menyampaikan dakwah terhadap golongan LGBT. Beliau dilihat mendekati golongan 'mak nyah' di sekitar ibu negara untuk menyampaikan dakwah kepada mereka³⁸⁷. Selain itu, beliau juga turut menjalankan program 'Door to door Ebit Lew' untuk mendekati golongan LGBT. Dalam usaha dakwah tersebut, beliau juga dilihat menggunakan pendekatan Mujadalah (bersoal-jawab) dan Muhawarah (berdialog) ketika menziarahi dan menyantuni golongan LGBT. Dakwah yang dilakukan beliau dilihat bertepatan dengan kehendak masa kini, di mana pendekatan 'turun padang' merupakan suatu keperluan agar pelaksanaan dakwah kepada golongan sasaran berhasil dicapai.

³⁸⁶ MyMetro, bertarikh 3 September 2018.

³⁸⁷ Instagram Ebit Lew, 6 & 9 Ogos 2018.

Ketiga: Pendekatan Ketegasan Dan Kekerasan

Pendekatan bertegas dalam menyampaikan dakwah juga merupakan salah satu dari konsep *rahmah*. Menurut Muhammad Haikal dan Muhammad Arif ketika mengulas pendekatan ISMA terhadap konsep *rahmah*, menyatakan bahawa bersikap tegas terhadap golongan liberal dan bukan Muslim yang memusuhi Islam perlu dipraktikkan demi menjaga kesucian aqidah umat Islam daripada dirosakkan atau dipengaruhi oleh golongan-golongan tersebut³⁸⁸. Tambahan lagi, adalah kurang tepat sekiranya konsep *rahmah* hanya tertumpu kepada sifat belas kasih dan toleransi Rasulullah s.a.w sahaja, sedangkan ketegasan Rasulullah s.a.w terhadap Muslim dan Non-Muslim juga adalah *rahmah* buat mereka³⁸⁹. Pendekatan ketegasan sebagai konsep *rahmah* selari dengan hadis nabi s.a.w ketika mendengar ancaman dari Abu Jahal yang menyeru Qurasyh untuk memusuhi Islam sebagaimana berikut:

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَأَقْتُلَنَّكُمْ، وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ، وَلَا أَهْدِيَنَّكُمْ، وَهُمْ كَارِهُونَ، إِنِّي رَحْمَةٌ، بَعَثَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، وَلَا يَتَوَفَّانِي حَتَّى يُظْهِرَ اللَّهُ دِينَهُ

Maksudnya: Dan demi nyawaku yang berada ditanganNya, aku akan memerangi mereka, menyalib mereka, dan memberi hidayah kepada mereka sekalipun mereka dalam keadaan yang membenci. Sesungguhnya aku adalah rahmah yang diutuskan oleh Allah, dan Allah tidak akan mematikan aku sehinggalah Allah memenangkan agamanya³⁹⁰.

Berdasarkan kepada hadis tersebut jelas dinyatakan bahawa sekalipun mengisytiharkan ketegasan dalam memerangi kafir dan Jahiliah, Rasulullah s.a.w masih menyifatkan diri Baginda sebagai seorang yang *rahmah*. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa ketegasan Baginda dalam menyebarkan iman dan Islam adalah rahmah yang paling besar³⁹¹.

Pendekatan tegas dengan menyatakan bahawa Kerajaan Pusat menolak amalan LGBT di negara ini diungkapkan Perdana Menteri Tun Dr Mahathri Mohamad ketika mengulas permintaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) supaya kerajaan mengiktiraf golongan tersebut. Beliau turut menegaskan bahawa konsep kekeluargaan perlu kekal sebagai pasangan lelaki dan wanita yang berkahwin, mempunyai anak, termasuk anak angkat³⁹². Kenyataan tersebut disokong Naib Presiden Amanah Datuk Mahfuz Omar, yang menyatakan bahawa tiada tempat untuk menerima dan mengiktiraf budaya LGBT di Malaysia serta kerajaan menolak pengamalan dan budaya LGBT dalam negara ini. Tambah beliau lagi, penolakan budaya LGBT adalah kerana budaya ini bertentangan dengan agama, budaya dan nilai diri³⁹³.

Pendekatan ketegasan dan kekerasan untuk menolak amalan budaya songsang ini juga dijalankan melalui penguatkuasaan undang-undang. Sebagaimana yang diketahui, Malaysia memperuntukkan beberapa undang-undang untuk mengekang budaya songsang LGBT, antaranya ialah Seksyen 377A Kanun Keseksan yang memperuntukkan kesalahan menjalin hubungan seks luar tabii seperti liwat dan seks oral. Selain itu, terdapat Enakmen Jenayah Syariah di negeri yang berasaskan prinsip kedudukan undang-undang Persekutuan melangkaui undang-undang negeri di mana ia memperuntukkan kesalahan lelaki berpakaian seperti atau menyerupai wanita dan kesalahan musahaqah. Pendekatan kekerasan melalui undang-undang seperti pelaksanaan

³⁸⁸ Berita Harian Online, bertarikh 18 Ogos 2018.

³⁸⁹ Projek Geran Penyelidikan USIM bertajuk Pembinaan piawaian dan garis panduan pengambilan upah terhadap aktiviti keagamaan di Malaysia (PPPI/FSU/0217/051000/11518)

³⁹⁰ Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM (manan@usim.edu.my)

³⁹¹ Pensyarah kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM (mushaddad@usim.edu.my)

³⁹² Pensyarah kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM (zahari@usim.edu.my)

³⁹³ Pensyarah kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM (ahmadzaki@usim.edu.my)

hukuman sebat yang dijalankan kerajaan Terengganu dalam mengekang perlakuan LGBT wajar dipuji. Ketegasan ini ditunjukkan melalui pelaksanaan hukuman sebatan terhadap pasangan lesbian di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu. Pelaksanaan hukuman ini membuktikan pihak berkuasa negeri tersebut serius melaksanakan undang-undang bagi membendung amalan LGBT serta pergaulan bebas secara lebih tegas disamping bertujuan mendidik anak muda mengenai kesalahan amalan tersebut³⁹⁴.

4. KEBERKESANAN METODE DAKWAH TERHADAP GOLONGAN LGBT

Berdasarkan metode dakwah yang dijelaskan sebelum ini, terdapat beberapa pendekatan yang mampu memberi kesan kepada sebahagian daripada golongan LGBT ini serta mampu menarik mereka untuk kembali kepada fitrah asal kejadian yang dicipta Allah kepada mereka. Antara pendekatan tersebut adalah:

1-Pendekatan dakwah secara lemah lembut dan berhemah yang digunakan Ebit Lew telah menarik hati sebahagian dari golongan LGBT untuk kembali kepada fitrah dan berhijrah kepada jalan Allah. Pendekatan dakwah secara berhikmah dan bersahabat dilihat merupakan antara salah satu uslub berkesan yang mampu membuka hati golongan ini untuk menerima dakwah yang disampaikan. Seperti yang dinyatakan dalam laman sosial miliknya, terdapat individu yang sebelum ini terlibat dalam budaya LGBT telah kembali ke pangkal jalan di samping telah membantu rakan-rakannya yang lain untuk sama-sama berhijrah ke jalan yang lebih diredhai Allah³⁹⁵.

2-Program Mukhayyam yang dijalankan oleh pihak JAKIM melalui pendekatan berteraskan ilmu dan pengetahuan dilihat memberi impak yang berkesan dalam membantu golongan ini untuk menghayati semula asas agama seperti solat dan fardhu ain, menginsafi semula tentang tanggungjawab diri kepada Allah SWT dan sesama manusia, serta membina keyakinan diri untuk menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Tambahan pula terdapat beberapa NGO Hijrah seperti Hijrah Republique, Islah Movement, Usrah Iqrah, Persatuan Insaf Pahang, Usrah Fitrah, Pertubuhan Insan Permata Disayangi, My Hijrah My Adventure dan Kifahuna Jemaa yang juga terlibat membantu golongan ini untuk berhijrah. NGO-NGO ini juga merupakan para peserta yang pernah menyertai program Mukhayyam yang dianjurkan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, dan kini bergerak secara proaktif untuk membimbing rakan mereka daripada komuniti LGBT, bagi mendapatkan bimbingan daripada sudut spiritual seperti kelas pengajian Al-Qur'an, usrah dan majlis ilmu (JAKIM, April 2019). Selain itu juga, rekod di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menunjukkan lebih 3,000 individu, termasuk golongan mak nyah, lesbian, gay dan biseksual berjaya dibimbing untuk kembali ke pangkal jalan³⁹⁶.

KESIMPULAN

³⁹⁴ Pensyarah kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM (zaharuddin@usim.edu.my)

³⁹⁵ Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, USIM (azman@usim.edu.my)

³⁹⁶ أخرجه النسائي في سننه 2/6 برقم 3086، والحاكم في المستدرک 76/2، وصححه الألباني.

Penyebaran ideologi atas dasar memperjuangkan hak kebebasan individu yang dibawa oleh golongan LGBT (Lesbian, gay, biseksual, dan transgender) bertentangan dengan moral, nilai ajaran Islam dan Perlembagaan Malaysia. Dalam usaha mengajak golongan ini kembali kepada fitrah, Al-Qur'an dan Sunnah merakamkan metode dakwah yang digunakan oleh para nabi khususnya Nabi Lut alaihissalam kepada kaumnya. Metode yang digunakan para nabi terdahulu menjadi asas rujukan kepada pendakwah dalam menyampaikan dakwah mereka. Pendekatan dakwah berasaskan konsep *rahmah* digunakan di Malaysia bagi membimbing golongan LGBT kembali kepada ajaran Islam. Antara pendekatan dakwah yang digunakan ialah mementingkan pembangunan sahsiah individu berteraskan ilmu dan pengetahuan Islam melalui program bimbingan yang dianjurkan badan kerajaan dan NGO yang berkaitan. Selain itu, pendekatan secara berhikmah dan lemah lembut digunakan di samping pendekatan secara tegas melalui penguatkuasaan undang-undang. Pendekatan pembangunan sahsiah berteraskan ilmu dan pengetahuan serta kaedah dakwah secara berhikmah dan lemah lembut dilihat memberi kesan positif dalam menarik golongan LGBT tersebut untuk mendengar dakwah yang disampaikan seterusnya membuka hati mereka untuk berhijrah dan kembali ke pangkal jalan. Di samping itu, pendekatan ketegasan dan kekerasan melalui penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan di Malaysia juga dilihat berkesan dalam membendung perlakuan songsang LGBT. Pendekatan ini bukanlah bertujuan untuk menzalimi dan bertindak kejam terhadap pelaku, malahan ia bertujuan mendidik mereka untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

RUJUKAN

Ahmad ibn Hanbal, *Musnad*, Muassasah al-Risalah, 2001, Cet. 1.

Ahmad Sanusi Azmi dan Mohd Yusuf Ismail, *Konsep Rahmatan Lil Alamin dalam Hadith: Penerokaan Makna serta Aplikasi di Malaysia*, Journal of Hadith Studies, Jilid 3, No. 1 (2-SI) (Nov 2018).

Astro Awani, *LGBT Tidak Diterima di Malaysia-Tun Mahathir*, oleh Firdaus Azil, 21 September 2018.

Berita Harian, *Ambil Tindakan Tegas Terhadap Penganjur Perhimpunan Haram LGBT*, oleh Haiza Khazi, 9 Mac 2019.

Berita Harian, *Bekas LGBT Bantu 'Rakan' Kembali ke Pangkal Jalan*, oleh Petah Wazzan & Mohd Nasaruddin Parzi, 23 Julai 2015.

Berita Harian, *Bilangan Gay, Transgender Semakin Meningkat: JAKIM*, oleh Audrey Dermawan, 29 Oktober 2018.

Berita Harian, *Bimbing Insan LGBT ke Pangkal Jalan*, oleh Norhafzan Jaafar, 18 Ogos 2018.

Berita Harian, *Kita Bebas untuk Tidak Menerima Pengaruh Barat-Dr Mahathir*, oleh Bernama, 18 Jun 2019.

Berita Harian, *Malaysia Tidak Berganjak dengan Pendirian terhadap LGBT*, oleh Irwan Shafrizan Ismail, 14 Mei 2019.

Berita Harian, *Parlimen Taiwan Lulus Perkahwinan Sesama Jenis*, oleh Agence France Presse, 17 Mei 2019.

Berita Harian, *Program Mukhyyam Pulih Golongan LGBT*, oleh Petah Wazzan & Mohd Nasaruddin Parzi, 24 Julai 2015.

Harian Metro, *Pujuk Gay Melayu*, oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin, 22 November 2011.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Jawab al-Kafi li man sa'ala 'An al-Dawa' al-Syafi aw al-Da' wa al-Dawa'*, Maghribi: Dar al-Ma'rifah, 1997, Cet. 1.

Ibn Kathir, Abu Fada' Ismail Bin Umar, *Tafsir al-Quran al-Azhim*, Beirut, Darul kutub ilmiah, cet. 1, 1419H, jilid 4.

JAKIM, *Kenyataan Media Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Berhubung Kenyataan Numan Afifi dan 41 NGO*, oleh Unit Komunikasi Korporat JAKIM, 21 April 2019.

Kamal Azmi Abd. Rahman, Mastura Md Nizam, dan Ain Balkis Mohd Azam, *Profil Masyarakat Melayu Malaysia Di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT*, Rujuk: https://www.academia.edu/25038722/PROFIL_MASYARAKAT_MELAYU_MALAYSIA_DI_MEDIA_SOSIAL_YANG_MEMPROMOSIKAN_LGBT

Khairul Hamimah Mohamad Jodi & Noor Hafizah Mohd Haridi, *Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT Satu kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah*, International Seminar On Human Development (Is-Hud'18), 22 November 2018, Academy of Islamic Studies University of Malaya.

Al-Khalidi, Solah Abdul Fattah, *al-Qasas al-Qurani 'Ardu Waqai' wa Tahlil Ahdath*, Damsyik: Darul Qalam, cet. 1, 1998, jilid 4.

Malaysiakini, *Apa Yang Berlaku di Perhimpunan Hari Wanita*, oleh Annabelle Lee, 10 Mac 2019.

Mohd Nasir et al., 2006, *Kajian Program Bina Sahsiah Staf Di IPTS: Kajian Kes Di UTM & USM*, Laporan Kajian no 71855, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Haikal Mohd Hedzir dan Muhammad Arif Yahya, *Pemahaman Konsep Rahmah Dalam Isu Masyarakat Majmuk di Malaysia: Analisis Pendirian Gerakan Dakwah IKRAM dan ISMA*, Jurnal Hadhari 10 (2) (2018) 243-257, Pusat Akidah dan Keamanan Global Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

MyMetro, *Sebat Bukti Serius Tangani LGBT*, oleh Hanneeyzah Bariah Baharin, 3 September 2018.

Noor Hafizah dan Norsaleha, *Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan Dan Keharmonian Beragama Di Malaysia*, Jurnal Islam Relitas: Journal of Islamic & Social Studies, vol 2, no 2, Julai-Disember 2016.

Noor Hafizah, Kamal Azmi dan Rosni Wazir, *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT*, Jurnal Pengajian Islam, Bil 9, Isu 11, 2016.

Noor Hafizah bt. Mohd Haridi, 2016, *Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT: Analisis Terhadap Persatuan Amal Firdausi (PAFI)*, Bangi: KUIS.

Nor Raudah Hj. Siren .2006. *Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.

Shahabuddin Hashim dan Rohaizani Yaakub, 2007, *Teori Persenoliti Dari Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Sinar Harian, *LGBT Semakin Berani Kerana Pendirian Tegas Kerajaan PH*, oleh Nurul Riduan Nor Ashaha, 10 Mac 2019.

Sinar Harian, *Ustaz Ebit Liew Berdakwah di Lorong, Santuni Penghuni Lorong*, oleh Siti Nursyahidah Abu Bakar, 2 Jun 2019.

Siti Hajar Jamal, *Memahami Konsep Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) Dari Konteks Sosial*, Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 2018.

Siti Sarawati Hj Johar dan Ishak Mad Shah, *Kecerdasan Emosi Ketua Dalam Elemen Tadbir Urus Insan Dari Perspektif Model Kerohanian Imam al-Ghazali*, Kertas Kerja, Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulayman ibn Ahmad, (t.t), *al-Mu'jam al-Kabir*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, Cet: 2.

Al-Tirmizi, *Sunan*, Mesir: Mustafa al-Baji al-Halabi, 1975, Cet. 2.

Zaydan, Abdul Karim, *al-Mustafad min Qasas al-Quran li ad-da'wah wa ad-Du'aat*, 1998, Beirut-Lubnan, Muassasah ar-Risalah, cet. 1.

Rujukan Atas Talian

http://prpm.dbp.gov.my/Kamus_dewan_edisi_keempat.

<https://www.mac.org.my/v3/resources/hiv-statistics/>

Facebook Ebit Lew, 2 Jun 2019

Instagram Ebit Lew, 6 & 9 Ogos 2018.